



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 5 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	RM1.53b BANTU PESAWAH, LOKAL, HM -17 BANTU PESAWAH MAHU KELUAR DARI PARAS KEMISKINAN, NEGARA, KOSMO -5 RM1.53b DIPERUNTUKKAN BANTU PESAWAH, NASIONAL, BH -9 RANTAIAN SEKURITI MAKANAN NEGARA TERJAMIN, LOKAL, HM -16 OVER RM1.53BIL SPENT TO HELP PADI FARMERS, NATION, THE STAR -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8.	PUNCA RIBUAN IKAN DALAM TALI AIR SAWAH MATI DISIASAT, NASIONAL, BH -19 RUANG RAHSIA TERBONGKAR, LOKAL, HM -7 SIASAT KES IKAN MATI DALAM TALI AIR, LOKAL, HM -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	BANTU TAMPUNG BEKALAN IKAN HADAPI MUSIM TENGGUJUH, NEGARA, KOSMO -6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	BANJIR: LIMA INFRA MADA DIAKTIFKAN, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12.	PASAR RAYA 'CATU' HAD PEMBELIAN, LOKAL, HM -10 UMT TAMBAH BAIK TEKNOLOGI HASILKAN BENIH KETAM, DALAM NEGEI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# RM1.53b bantu pesawah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan membelanjakan lebih RM1.53 bilion untuk membantu pesawah di seluruh negara termasuk bantuan subsidi input dan output, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata subsidi input pertanian meliputi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan; Skim Insentif Pengeluaran Padi; Skim Baja dan Racun Padi Bukit dan Huma; serta Skim Insentif Benih Padi Sah manakala subsidi output pula diberikan melalui Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Menurutnya, kerajaan juga menaikkan kadar bersubsidi racun makhluk perosak di bawah program

Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) daripada RM200 per hektar semusim kepada RM300 per hektar semusim untuk 2022 membabitkan kira-kira RM62 juta.

“Selain itu, bantuan khas pesawah sementara menunggu hasil padi juga akan diberikan pada 2023 dengan kadar bantuan sebanyak RM200 setiap bulan untuk tempoh tiga bulan dengan jumlah peruntukan hampir RM230 juta.

“Jadi harga padi adalah mengikut pemutuan (kualiti) yang ditetapkan oleh IPB (Bahagian Pembangunan Industri Padi) dan kerajaan kerana pemutuan diselarasakan dengan subsidi output. Pendeknya, kerajaan membelanjakan lebih daripada RM1.53 bilion untuk bantu pesawah,” katanya.

# Bantu pesawah mahu keluar dari paras kemiskinan

**ROMPIN** - Tidak mahu terus hidup di dalam paras kemiskinan. Demikian harapan pesawah di daerah ini yang mengalami kesan buruk akibat kekurangan hasil berterusan agar kerajaan membantu mereka dalam pembentangan Bajet 2023.

Pesawah Paya Sepayang di sini, Mohd. Fadzil Mahmud, 38, berkata, kerajaan diminta mempertimbangkan agar harga jualan padi oleh petani dinaikkan bagi menampung kenaikan kos.

Katanya, tidak acil sekiranya harga racun, baja dan upah mengalami kenaikan sebaliknya pesawah terus menanggung beban.

"Sekarang ini beras merupakan keperluan makanan utama negara dan negara pun tidak cukup untuk keperluan sara diri tetapi hakikatnya pesawah berada dalam tahap kemiskinan.

- "Subsidi racun masih sama dan masa ini tidak banyak racun subsidi ditawarkan menyebabkan pesawah terpaksa juga ke-



**PESAWAH di Paya Sepayang, Rompin memohon kerajaan agar menaikkan harga jualan padi bagi menampung kenaikan kos.**

luarkan banyak modal membeli racun," katanya di sini semalam.

Tambahnya, keadaan berterusan dialami pesawah yang terbelan ini menyebabkan semangat golongan muda untuk bersawah juga semakin luntur.

Dalam pada itu seorang lagi pesawah Azrul Abdul Rahman, 36, berkata, kerajaan diminta memberikan insentif tambahan dan bantuan kepada pesawah yang rugi akibat kekurangan hasil tuaian.

# RM1.53b diperuntukkan bantu pesawah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan membelanjakan lebih RM1.53 bilion untuk membantu pesawah di seluruh negara, termasuk bantuan subsidi input dan output, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, subsidi input pertanian meliputi Skim Baja Pertanian, Kerajaan Persekutuan; Skim Insentif Pengeluaran Padi; Skim Baja dan Racun Padi Bukit dan Huma; serta Skim Insentif Benih Padi Sah, manakala subsidi output pula diberikan melalui Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Beliau berkata, kerajaan juga menaikkan kadar bersubsidi racun makhluk perosak di bawah

program Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) daripada RM200 per hektar semusim kepada RM300 per hektar semusim untuk 2022, membabitkan perbelanjaan kira-kira RM62 juta.

“Selain itu, bantuan khas pesawah sementara menunggu hasil padi juga akan diberikan pada 2023 dengan kadar bantuan sebanyak RM200 setiap bulan untuk tempoh tiga bulan dengan jumlah peruntukan hampir RM230 juta.

“Jadi, harga padi adalah mengikut pemutuan (kualiti) yang ditetapkan oleh IPB (Bahagian Pembangunan Industri Padi) dan kerajaan kerana pemutuan diselenggarakan dengan subsidi ou-

put,” katanya ketika Waktu Pertanyaan Menteri pada persidangan Dewan Rakyat, di sini, semalam.

## Senak harga padi

Ronald berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena), yang mencadangkan supaya kerajaan menyemak semula harga minimum terjamin padi (GMP) pada kadar RM1.30 sekilogram.

Justeru, Ronald berkata, andaian bahawa kerajaan mengabaikan pesawah adalah tidak benar kerana kerajaan mengadakan pelbagai program dan subsidi bagi membantu golongan itu di se-

luruh negara.

Terdahulu, beliau berkata, ketika ini, pesawah menikmati penyeragaman harga padi atau GMP di Semenanjung pada kadar RM1,200 per tan metrik atau RM1.20 sekilogram.

“Tarikh akhir semakan GMP adalah pada 21 Februari 2014 dan pelaksanaan GMP ini dibuat melalui Perintah Tetap oleh Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, yang berkuat kuasa sehingga hari ini.

“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini kerajaan belum berhasrat untuk mengkaji semula harga minimum terjamin padi yang ditetapkan,” katanya. BERNAMA

5/10/2022

HARIAN  
METRO

LOKAL

16

**Kuala Terengganu:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyakini kepakaran dimiliki Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bagi menjamin rantaian sekuriti makanan negara berterusan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, Mardi sebagai agensi yang melaksanakan kajian dan pembangunan (R&D) membantu Mafi dalam aspek penyelidikan.

Menurutnya, ia untuk

memastikan Tahap Sara Hidup (SSL) bagi sekuriti makanan negara sentiasa berada di tahap optimum dan mampu memenuhi keperluan penduduk Malaysia.

"Kepakaran Mardi dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber agrobiodiversiti seperti bank gen sumbu, jelebu, Serdang, Keman dan Bintulu.

"Manakala Bank Gen Padi Kebangsaan di Seberang Prai, manakala MyGene-

bank sebagai Bank Agromakanan Kebangsaan adalah inisiatif penting bagi memastikan sumber genetik pertanian dapat dipulihara.

"Sumber tanaman alternatif baharu seperti ubi yang tinggi nutrisi juga merupakan salah satu cara untuk memastikan sekuriti makanan negara terjamin."

Katanya ketika berucap merasmikan Simposium Agrobiodiversiti dan Agropertanian (A-BES) 2022, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Mardi Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani. Menurutinya, cabaran pengubahan sekuriti makanan dalam mendepani isu perubahan iklim akan menjadi teras dalam penyelidikan pertanian pintar iklim yang diterajui oleh Mardi.

Katanya, Mardi berjaya membangunkan teknik adaptasi kepada perubahan iklim melalui kaedah pengurusan air dalam penanaman padi secara optimum.

## Rantaian sekuriti makanan negara terjamin

"Kaedah ini akan mengurangkan 16 hingga 32 peratus input air serta mengurangkan 30 hingga 55 peratus pembebasan gas rumah kaca (GHG) di samping mengekalkan hasil yang tinggi iaitu enam hingga tujuh tan per hektar.

"Selain itu, Mardi juga sedang giat menjalankan pembangungan varieti baharu yang toleran kepada perubahan iklim seperti kemarau melalui kacukan an-

tara varieti elit Mardi dengan induk penderitaan kemarau dari Filipina dan India, selain varieti padi sedia ada (MRQ 76) yang juga toleran terhadap kemarau," katanya.

Katanya, selain itu Mardi sedang menjalankan kajian penilaian kesan-kesan perubahan iklim seperti suhu tinggi dan jerebu terhadap tanaman seperti jagung bijian, nanas dan bethik serta penilaian terhadap serangga di tanah tinggi.

## Over RM1.53bil spent to help padi farmers

OVER RM1.53bil was spent by the government to help padi farmers in the country, including providing them with subsidies, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

He said agricultural input subsidies were provided under various initiatives, including the Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan and Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), while the output subsidy was provided under the Skim Subsidi Harga Padi.

"A special assistance of RM200 per month for a period of three months will be given to padi farmers next year with a total allocation of almost RM230ml.

"The price of rice is according to the quality set by the Padi Industry Development Division and the government because it is adjusted according to the output subsidy," he added.

An output subsidy is a type of subsidy meant to encourage producers to increase their production output while lowering their expenses.

The government, he added, had increased the subsidised rate of pesticides under the SIPP from RM200 per hectare per season to RM300 per hectare per season for 2022, involving approximately RM62ml.

Klandee also said padi farmers in the peninsula are currently enjoying a Guaranteed Minimum Price (GMP) rate of RM1.200 per metric tonne or RM1.20 per kg.

The GMP was adjusted in 2014, and the rate was also subject to the quality of the rice.

"The government does not intend to review the GMP of rice that has been set for now," he told Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena).

Mahfuz had asked the ministry to state the GMP for 1kg of padi purchased from farmers.

Human Resource Minister Datuk Seri M. Saravanan said the goal of the Trade Unions (Amendment) Bill 2022 is to create a legal framework to support the establishment and administration of trade unions in a mature, progressive and relevant manner.

He added the Bill, which was tabled for the second reading, was to amend the Trade Unions Act 1959 with the objective of removing restrictions on the formation of trade unions based on specific establishments or similarities in trade, occupation or industry to allow a diversity of trade unions.

"This is in line with the freedom of association as employees and employers are free to establish or join any trade union of their own choice," he said when tabling the Bill.

Saravanan said that one of the changes to the Act was to make sure that workers' rights in this country were protected well by taking into account the principles set out in international labour standard obligations.

He added that it was also to make it easier for Malaysia to negotiate a trade agreement that currently includes an article on international labour standards as one of the terms of the agreement.

## Punca ribuan ikan dalam tali air sawah mati disiasat

**Pekan:** Jabatan Perikanan Pahang sedang menyiasat punca beribu ikan dalam tali air sawah Kampung Ganchong Tengah dan Hulu, di sini, mati secara mengejut minggu lalu.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar, berkata pihaknya sudah mengambil contoh ikan mati untuk analisis makmal bagi mengenal pasti

punca kematian, sama ada disebabkan pencemaran air atau faktor lain.

"Selain pencemaran air, faktor cuaca juga boleh menyebabkan ikan mati dengan jumlah yang banyak secara serentak," katanya semalam.

Sementara itu, penduduk Ramli Bidin, 88, mendakwa pen-

cemaran air dipercayai punca beratus kilogram ikan dalam tali air sawah Kampung Ganchong Hulu, dekat sini mati, minggu lalu.

Pelbagai spesies ikan seperti baung ekor merah, lampam Jawa, keral, haruan, keli dan temperas mati sepanjang tali air yang membekalkan sumber air kepada

lebih 150 hektar sawah yang diusahakan 83 pesawah tempatan.

"Kejadian yang berlaku minggu lalu dipercayai membunuh semua ikan yang terdapat dalam tali air terbabit, ikan bersaiz kecil dan besar semua mati.

"Penduduk kampung yang melihat ikan timbul di permukaan dalam keadaan lemah meneng-

kap ikan menggunakan penyauk, mereka seolah berpesta mendapatkan rezeki terhidang.

"Saya sedih melihat pelbagai spesies ikan air tawar bersaiz kecil dan besar mati, kini dalam tali air sawah Kampung Ganchong Hulu terdapat beratus kilogram ikan mati sehingga menyebabkan bau busuk," katanya.

# Ruang rahsia terbongkar

Tiga lelaki seludup bahan api bersubsidi ditahan

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

**Alor Setar**

Kegiatan tiga lelaki menyeludup bahan api bersubsidi terbongkar hasil penemuan ruang rahsia di bahagian bawah sebuah bot nelayan puakat tunda kelas C yang ditutup dengan kayu papan lapis, kelmarin.

Bot itu ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah pada kedudukan empat batu nautika di barat Kuala Kuar, jam 2.30 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, bot nelayan tempatan itu ditahan pada Operasi Aman selepas dilihat berada dalam keadaan mencurigakan.

"Kami membongkar kayu papan lapis itu sebelum menemukan dua tangki minyak yang sudah diubahsuai. Kami syak bot itu terlibat dalam aktiviti penyeludupan bahan api.

"Berikutan itu, ketiga-tiga lelaki tempatan di bot terbabit yang berusia 22 hingga 58 tahun ditahan bagi membantu siasatan," katanya pada kenyataan se-

SALURAN (arsip) yang ditemui di sebuah kayu papan lapis di bawah rumah bot puakat tunda kelas C yang ditahan APMM Zon Maritim Kuala Kedah di kawasan Kuala Kuar.



malam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen seperti yang ditetapkan di dalam buku lesen.

Sabit kesalahan boleh di-

denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kami masih menyiasat sama ada ketiga-tiga lelaki itu adalah nelayan atau sebaliknya dan sejauh mana

aktiviti yang mereka lakukan itu.

"Sehubungan itu, pengusaha bot nelayan tempatan diingatkan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan," katanya.





RAMLI menunjukkan ikan baung ekor merah yang mati dalam tali air sawah Kampung Ganchoong Hulu, Pekan dipercayai berpunca daripada pencemaran air.

## Siasat kes ikan mati dalam tali air

**Pekan:** Jabatan Perikanan Pahang sedang menyiasat punca ribuan ikan dalam tali air di sawah Kampung Ganchoong Hulu dan Kampung Ganchoong Hulu, di sini, yang mati secara mengejut, minggu lalu.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, siasatan bertumpu untuk mengenal pasti punca kejadian berkenaan boleh berlaku.

"Kita sudah mengambil ikan yang mati untuk analisa di makmal bagi mengenal

pasti punca kematian, sama ada disebabkan pencemaran air atau faktor lain untuk mengetahui punca kematian ikan secara mengejut seperti didakwa penduduk.

"Selain pencemaran air, faktor cuaca juga boleh menyebabkan ikan mati dengan jumlah yang banyak secara serentak," katanya.

Sementara itu, penduduk Ramli Bidin, 83, mendakwa pencemaran air dipercayai menjadi punca ratusan kilogram ikan dalam tali air di

sawah Kampung Ganchoong Hulu, dekat sini, mati secara mengejut minggu lalu.

Di samping itu, menurutnya, ikan pelbagai spesies seperti baung ekor merah, lampam jawa, keral, haruan, keli dan temperas mati sepanjang tali air yang membekalkan sumber air kepada lebih 150 hektar sawah yang diusahakan 83 pesawah tempatan.

Menurutnya, sebelum ini kejadian ikan mati dalam tali air sawah di kampung itu

pernah berlaku, namun tidak terlah serius.

"Kejadian terbaharu yang berlaku ini seolah-olah membunuh semua ikan yang terdapat dalam tali air terbahit, ikan bersaiz kecil dan besar semua mati.

"Saya bagi pihak penduduk merayu kepada pihak berkaitan supaya dapat segera menyiasat punca kejadian sehingga menyebabkan banyak ikan mati," katanya ketika ditemui Harian Metro.

## Bantu tampung bekalan ikan hadapi musim tengkujuh

**KUALA LANGAT** - Pengusaha ternakan ikan sangkar di seluruh negara diminta membekalkan ikan secukupnya bagi menampung keperluan semasa musim banjir pada hujung tahun ini.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Mohd.Suffian Sulaiman, ketika ini stok bekalan ikan Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) cukup untuk menampung keperluan semasa jika berlaku kekurangan sumber protein tersebut.

"Bagaimanapun, kita meminta pengusaha ternakan ikan dalam sangkar untuk membekalkan ikan mereka sekiranya stok yang ada tidak mampu menampung keperluan ketika banjir.

"Justeru, kita akan memas-

takan pengusaha ternakan ikan untuk memuai hasil sebelum bencana banjir berlaku.

"Tni untuk memastikan bekalan cukup dan mereka tidak kerugian akibat banjir," katanya selepas program pembersihan pantai bagi Kempen Bebas Plastik di Pantai Kelanang di sini semalam.

Mohd. Suffian berkata,

pihaknya juga memastikan keselamatan dan kebajikan nelayan terjamin sepanjang musim tengkujuh tahun ini.

Tambahnya, pihaknya melalui Pejabat Perikanan Daerah akan melaporkan keadaan cuaca harian dan nelayan dinasihatkan tidak turun ke laut sekiranya cuaca tidak sesuai.

"Sehubungan itu, kita me-

nubuhkan pusat bencana di peringkat Kementerian bagi menyalurkan bantuan kepada nelayan terlibat dengan banjir," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berharap komuniti nelayan bekerjasama mengutip sisa plastik dan bahan buangan di laut yang tidak mudah lupus untuk dibawa pulang ke darat.

5/10/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32

# Banjir: Lima infra MADA diaktifkan

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID  
utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengaktifkan Pelan Persediaan Banjir Kawasan Muda dan berada dalam keadaan siap sedia yang tinggi bagi menghadapi fenomena La Nina yang dijangka berlaku hujung tahun ini.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pihaknya akan menguruskan lebih air melalui lima infrastruktur utama sedia ada agensi itu jika banjir melanda kawasan tanaman di negeri ini dan Perlis.

Katanya, infrastruktur utama itu antaranya melibatkan Sistem

Arau, Sistem Lanabulu, Sistem Alor Changileh, Pelubang Barage dan Tandop Pasang Surut Ampang Jajar.

"Ramalan cuaca menunjukkan Perlis akan menerima taburan hujan pada paras purata antara 200 hingga 300 milimeter (mm), manakala Kedah sekitar 290 hingga 440mm pada September tahun ini hingga Februari 2023.

"Dalam menghadapi kemungkinan banjir, MADA sentiasa mengutamakan kepentingan awam serta penanaman padi dan menguruskan lebih air akibat hujan mengikut Tata cara Pengendalian Piawai yang ditetapkan," katanya di sini, semalam.



**AHMAD TARMIZI SULAIMAN**

Katanya, MADA juga bersedia memastikan infrastruktur pengairan dan saliran berfungsi

dengan sempurna serta memastikan alat kelengkapan dan aset-aset seperti bot dan jentera dalam keadaan baik.

Menurut Ahmad Tarmizi, kawasan Muda berkemungkinan menerima hujan lebat di kawasan tadahan empangan, tadahan sungai dan kawasan sawah.

"Ia akan menyebabkan penambahan takungan air di empangan, peningkatan aliran sungai dan kenaikan kedalaman air di kawasan sawah. Namun, MADA sentiasa peka dengan keadaan siap sedia jika berlakunya banjir seperti mana amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia serta Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran (JPS).  
"Melalui perancangan dan persediaan bagi menghadapi banjir ini, adalah diharapkan kerosakan kepada harta awam dan padi dapat diminimumkan dan kesulitan kepada peladang dapat dikurangkan sekiranya banjir melanda kawasan MADA nanti," katanya.

Tambah beliau, kedudukan paras takungan air di Empangan MADA berada dalam keadaan mencukupi iaitu di Empangan Pedu pada kadar 859,625 juta meter padu atau 98.27 peratus, Empangan Muda 123,950 juta meter padu (99.16%) dan Empangan Ahming sebanyak 186,979 juta meter padu (83.85%).



RUANG yang menempatkan telur ayam mulai kosong selepas jam 12 tengah hari.

## RESAH BEKALAN TELUR KURANG

# Pasar raya 'catu' had pembelian

Oleh Zaid Salim  
am@hmmetro.com.my

Kuala Nerus

**B**ekalan telur ayam tidak mencukupi di pasaran menimbulkan keresahan dalam kalangan orang ramai di daerah ini kerana ia menjadi keperluan hidangan termasuk di musim tengkujuh.

Isu kekurangan bekalan bahan berkenaan bukan perkara baharu, sehingga ada

yang mendakwa keadaan menjadi lebih teruk sejak kerajaan melaksanakan harga kawalan terhadap bahan mentah berkenaan.

Malah, tinjauan Harian Metro di sebuah pasar raya, di sini, mendapati ruang yang menempatkan telur ayam mulai kosong selepas jam 12 tengah hari.

Pengguna, Fauziah Fauzi, 33, dari Gong Badak, di sini, berkata dia akan membeli telur ayam untuk keperluan berniaga, setiap hari.

"Saya berniaga kedai makan dan telur adalah antara keperluan utama untuk menyediakan makanan selain membuat telur separuh masak untuk jualan sebelah pagi.

"Bagi memastikan tidak terlepas, saya terpaksa datang setiap hari dan beratur untuk mendapatkan telur ini," katanya ketika

ditemui, semalam.

Peniaga kuih Halimah Jusoh, 53, dari Kampung Mengabang Telipot, di sini, berkata

dia memerhatikan telur dalam kuantiti yang banyak untuk membuat kuih-muih.

"Saya membuat pelbagai kuih-muih untuk jualan dan krisis telur ayam ini

menyebabkan perniagaan saya terganggu sehingga ada ketika langsung tidak berniaga kerana tidak ada telur untuk membuat kuih," katanya.

Sementara itu, Pengurus Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd, Mohd Azuan Sa'ad berkata, pihaknya terpaksa menghadkan pembelian hanya dua papan telur untuk setiap pelanggan bagi memastikan pembeli lain dapat memperoleh bekalan itu.

Katanya, pihaknya juga

terpaksa 'mencatu' had pembelian kerana kuantiti yang diterima daripada pembekal sangat sedikit.

"Sebelum krisis, kita menerima sebanyak 1,000 papan telur ayam, tetapi sejak kebelakangan ini, pembekal hanya boleh bagi 100 papan sahaja.

"Sebanyak 10 peratus daripada kuantiti yang sepatutnya kami terima 'hilang' dan bayangkan bagaimana kita nak jual dengan kuantiti sebanyak itu," katanya.

**"Saya terpaksa datang setiap hari dan beratur dapatkan telur ini"**  
Fauziah

5/10/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

29

# UMT tambah baik teknologi hasilkan benih ketam

**KUALA TERENGANU:** Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menambah baik teknologi penghasilan benih ketam bakau di lokasi memproduksi benih (hatchery) di daerah Setiu dekat sini.

Kejayaan itu dicapai melalui kajian oleh Institut Akuakultur dan Tropika (Akuatrop) UMT yang dijalankan sejak 2014 di tanah benchah Setiu.

Pengarah Akuatrop UMT, Prof. Dr. Mohd. Ikhwanuddin Abdullah berkata, usaha itu bagi mencari penyelesaian terhadap permintaan tinggi ke atas ketam bunga dan ketam nipah sebagai menu makanan dan alternatif merawat demam denggi oleh rakyat Malaysia, memberi tekanan kepada populasi haiwan itu.

"Usaha itu bukan sekadar untuk kegunaan penyelidikan, malah, peningkatan populasi ketam turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi komuniti setempat.

"Ya mencerminkan hubung kait antara sebuah gedung ilmu yang memiliki kepelbagaian bidang kepakaran dalam memberikan faedah serta manfaat kepada masyarakat setempat," katanya.

Dr. Mohd. Ikhwanuddin berkata, kajian itu berkaitan habitat dan pembenihan spesies ketam tersebut untuk meningkatkan populasinya terutama di daerah Setiu.

Menurutnya, antara objektif program adalah menghasilkan formulasi makanan untuk larva dan induk ketam bakau, meningkatkan kematangan kelenjar reproduksi induk ketam bakau dan kualiti serta kadar hidup benih ketam itu.

"Kita juga mengkaji keberkesanan sistem kandang ketam terhadap jum-



**MOHD. IKHWANUDDIN ABDULLAH**

lah populasi ketam nipah di habitat semula jadi serta mengkaji keberkesanan aktiviti ternakan ketam dalam sistem kandang.

"Hasil kajian turut mendapati bahawa terdapat peningkatan populasi ketam di kawasan tersebut selepas penganjuran program yang melibatkan masyarakat setempat dilaksanakan secara bersama di mana UMT dapatkan induk ketam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Di Terengganu, spesies ketam nipah mudah didapati di sekitar Setiu terutama di Kampung Fikri dan Kampung Pengkalan Gelap yang menjadi sumber rezeki untuk penduduk di kawasan tersebut.

Kajian itu bukan tertumpu kepada ketam sahaja, malah, pihaknya membuat pelbagai kajian berkaitan pengkulturan, pembiakbakaan, pembenihan dan lain-lain terhadap udang, ketam, ikan, belangkas, kuda laut dan spesies lain.